

## Subsidi Petrol dalam fasa akhir untuk dilaksanakan

Syukri Shaari  
08 Ogos 2019 10:13 PM



**PROGRAM Subsidi Petrol sedang dalam peringkat akhir untuk dimuktamadkan. - UTUSAN ONLINE/Gambar hiasan**

**KUALA LUMPUR 8 Ogos** - Cadangan pelaksanaan Program Subsidi Petrol sedang dalam peringkat akhir untuk dimuktamadkan sebelum dibawa kepada pertimbangan serta kelulusan daripada Jemaah Menteri.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dalam kenyataan dikeluarkan malam ini.

Saifuddin Nasution memberitahu, Kementerian telah selesai mendapatkan pandangan daripada semua pihak berkepentingan selain telah meneliti serta mengambil kira input-input bagi pelaksanaan mekanisme itu.

"Dengan semua persediaan yang telah dibuat, Kementerian komited untuk melaksana program yang telah dijanjikan pada tahun ini juga.

"Kementerian memohon semua lapisan masyarakat, termasuk parti-parti politik, Ahli-Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk bersama-sama membantu menjayakannya," kata beliau dalam kenyataan tersebut. - UTUSAN ONLINE